**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA**
*HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA*
TINGKAT 11, MENARA TH PERDANA,
JALAN SULTAN ISMAIL,
50250 KUALA LUMPUR
Tel: 603-2612 5600
Fax: 603-2612 5620
Email:humanrights@suhakam.org.my
Web:www.suhakam.org.my

**EDITOR, MEJA BERITA** **UNTUK SIARAN SEGERA**

# KENYATAAN MEDIA

**Kenyataan Kementerian Dalam Negeri berkenaan Comango Merupakan Satu Halangan terhadap Kebebasan Berpersatuan dan Kebebasan Bersuara di Malaysia**

Kuala Lumpur (9 Januari 2014) – Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) amat kesal dan bimbang dengan kenyataan Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada 8 Januari 2014 yang menyatakan Gabungan Badan Bukan Kerajaan Malaysia (Comango) adalah sebuah organisasi haram.

Suruhanjaya berpendapat bahawa kenyataan sedemikian menafikan hak asasi kumpulan masyarakat sivil kepada kebebasan berpersatuan dan kebebasan bersuara serta menjejaskan usaha kumpulan masyarakat sivil dan para pejuang hak asasi dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di negara ini.

Kenyataan tersebut juga mencerminkan kegagalan pihak Kementerian dalam mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh kumpulan masyarakat sivil sebagai mekanisme “check and balance” dalam sebuah sistem demokrasi yang berfungsi sepenuhnya dan berkembang maju, seperti yang diisytiharkan oleh Perdana Menteri.

Suruhanjaya menyeru pihak Kerajaan, selaku ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Majlis Hak Asasi Manusia yang dihormati, mematuhi dan memenuhi komitmennya sepertimana yang tertera dalam Resolusi 12/2 Majlis Hak Asasi Manusia (“Kerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, wakil-wakilnya dan mekanisme dalam bidang hak asasi manusia”) yang memerlukan negara-negara anggota mengambil langkah-langkah untuk melindungi pembela-pembela hak asasi manusia dan menghalang segala jenis intimidasi atau tindakan balas terhadap mereka yang melakukan kerja-kerja mempromosi hak asasi manusia di peringkat antarabangsa.

Suruhanjaya menyeru Kerajaan untuk berunding dan berdialog bagi menangani cabaran pluralisme dalam semangat "1 Malaysia", dan bukannya melakukan gangguan dan penindasan secara selektif terhadap Comango dan kumpulan hak asasi manusia yang lain di negara ini.

Suruhanjaya juga menggesa Kerajaan untuk mengkaji semula undang-undang sediada yang bersifat menekan, khususnya Akta Pertubuhan 1966, yang mengehadkan hak warganegara untuk membentuk dan mengendalikan organisasi mereka. Sebarang penggantungan dan kajian

semula terhadap persatuan seharusnya dilakukan secara saksama, bebas serta mematuhi prinsip-prinsip hak asasi manusia yang merupakan asas kepada sebuah sistem demokrasi yang berfungsi sepenuhnya.

**-TAMAT-**

***"HAK ASASI UNTUK SEMUA"***

**Tan Sri Hasmy Agam**
Pengerusi
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
9 Januari 2014